

Headline	Dasar kerajaan pulihkan ekonomi negara diyakini		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	31 Jan 2021	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	7	ArticleSize	792 cm ²
AdValue	RM 26,225	PR Value	RM 78,675



Dasar kerajaan pulihkan ekonomi negara diyakini

Penarafan hutang pada A3 oleh Moody's antara petunjuk strategi tepat mendepani cabaran pandemik

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Hazwan Faisal Mohamad
mahanum_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengesahan penarafan hutang Malaysia pada A3 oleh Moody's membuktikan kepercayaan dan keyakinan terhadap pelaksanaan dasar kerajaan ketika ini untuk memulihkan ekonomi negara, demikian kata penganalisis.

Timbalan Pengarah Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata pengesahan penarafan itu adalah satu daripada petunjuk bahawa kerajaan melaksanakan dasar tepat aspek pengurusan ekonomi dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19.

Beliau berkata, selepas empat pakej rangsangan ekonomi diperkenalkan tahun lalu, kerajaan baru-baru ini memperkenalkan satu lagi pakej rangsangan ekonomi, Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) RM15 bilion memperlihatkan pengenalan langkah baharu, mempertingkatkan inisiatif sedia ada, sama ada menerusi tambahan peruntukan, mempercepatkan pelaksanaan dan memperluaskan skop.

"Jelas, PERMAI adalah langkah tepat kerana ramai rakyat dan peniaga yang terkesan dari segi ekonomi ditambah pula dengan cabaran banjir yang menimpa beberapa negeri di negara ini.

"Pakej PERMAI dilihat membantu sebilangan besar golongan yang terjejas, terutama golongan

rentan, golongan B40, golongan muda, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan mikro serta mereka dalam sektor tidak formal," katanya kepada BH.

Berdasarkan pengumuman dibuat Moody's, ia menjangkakan prospek pertumbuhan jangka sederhana Malaysia kekal kukuh dan institusi pembuat dasar makroekonomi akan terus dipercayai dan berkesan, yang memberikan ketahanan profil kredit.

Katanya, pengukuhan itu seimbang, walaupun beban hutang kerajaan tinggi dan meningkat.

Moody's juga terus menjangkakan kerajaan kekal komited terhadap pengukuhan fiskal secara beransur-ansur dalam tempoh dua hingga tiga tahun ke depan, kenaikan beban hutang tidak mungkin cepat berubah.

Ahli Ekonomi MIDF Research, Abdul Mui'zz Morhalim, berkata keputusan Moody's mengekalkan penarafan hutang negara pada A3 dengan unjuran penarafan yang stabil menggambarkan keyakinan terhadap pengurusan dan kedudukan fiskal negara.

Beliau berkata, keyakinan terhadap kedudukan fiskal negara akan bertambah baik berasaskan jangkaan ekonomi negara akan terus memulih dan berkembang tahun ini.

Katanya, pakej rangsangan PERMAI adalah tindakan yang wajar kerana ada sektor dan individu terkesan akibat daripada pelaksanaan PKP kali kedua.

"Contohnya, pemberian moratorium dapat mengurangkan beban kewangan ketika PKP kali kedua dilaksanakan dan adalah bentuk bantuan bagi mereka terjejas akibat banjir baru-baru ini.

"Komuniti perniagaan juga dibantu dengan pemberian tambahan Geran Khas Prihatin (GKP) kepada PKS serta diskaun elektrik 10 peratus bagi tempoh Januari hingga Mac 2021 untuk sektor terjejas akibat pergerakan pengguna yang

diketatkan.

"Program Subsidi Upah 3.0 di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pula dapat mengurangkan beban kewangan kepada majikan kerana tanggungan upah dan gaji yang perlu dibayar; walaupun prestasi jualan dan aliran tunai syarikat dijangka terjejas kesan pelaksanaan PKP kali kedua.

Abdul Mui'zz berkata, seperti pakej rangsangan sebelum ini, pelaksanaan PERMAI dijangka mengurangkan kesan negatif terhadap ekonomi negara.

Beliau berkata, secara umum pelaksanaan PKP kali kedua dijangka tidak menjejaskan ekonomi negara seperti PKP pada tahun lalu kerana kebanyakan aktiviti perniagaan masih boleh dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard yang telah ditetapkan.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya PKP kali kedua dilanjutkan bagi tempoh panjang, usaha memulihkan ekonomi negara akan memerlukan pakej rangsangan tambahan daripada kerajaan bagi memastikan kesan pandemik global ini tidak terus mengekang aktiviti ekonomi dalam negara.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Juwai IQI, Shan Saeed, berkata tindak balas dasar yang pantas oleh kerajaan membuatkan pelabur asing selesa di negara ini.

Beliau berkata, maklum balas dasar positif juga memberi keyakinan pelabur bahawa kerajaan ada ruang untuk bertindak.

Katanya, asas makroekonomi negara ini juga kekal utuh, meskipun berdepan cabaran dalam ekonomi domestik dan global.

Headline	Dasar kerajaan pulihkan ekonomi negara diyakini		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	31 Jan 2021	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	7	ArticleSize	792 cm ²
AdValue	RM 26,225	PR Value	RM 78,675



“Persatuan percaya jika ekonomi terus dibenarkan beroperasi ketika PKP, kedudukan ekonomi akan terus baik. Saya percaya ini akan membolehkan penarafan kedaulatan Malaysia stabil dan bertambah baik.

Michael Kang,
Presiden Persatuan PKS Malaysia



“DPMM sentiasa menyokong dan bersedia membantu kerajaan melancarkan pengagihan pakej rangsangan bagi memulihkan ekonomi dan memperbaiki kepercayaan umum kepada pelabur.

Norsyahrin Hamidon,
Timbalan Presiden Dewan
Perniagaan Melayu Malaysia



“Pengesahan penarafan Moody's adalah peluang untuk negara memulakan semula proses memperbaiki kedudukan serta sentimen terhadap keadaan pelaburan di negara selepas lebih setahun bergelut dengan COVID-19.

Azrani Rustam,
Naib Presiden Dewan
Perniagaan dan Perindustrian
Antarabangsa Malaysia



“Pakej PERMAI dilihat membantu sebilangan besar golongan yang terjejas, terutama golongan rentan, golongan B40, golongan muda, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan mikro serta mereka yang berada dalam sektor tidak formal.

Irwan Shah Zainal Abidin,
Timbalan Pengarah Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan
Universiti Utara Malaysia (UUM)

Headline	Dasar kerajaan pulihkan ekonomi negara diyakini		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	31 Jan 2021	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	7	ArticleSize	792 cm ²
AdValue	RM 26,225	PR Value	RM 78,675



RM15 bilion

3 MATLAMAT UTAMA

1
 Memerangi wabak COVID-19

2
 Memelihara kesejahteraan rakyat

3
 Menyokong kelangsungan perniagaan

MENYOKONG KELANGSUNGAN PERNIAGAAN



Sokongan penggunaan teknikal dan digital bagi PKS dan syarikat peringkat pertengahan

RM23.4 juta
Jumlah telah disalurkan

Manfaatkan
5,941
 perniagaan



Sokongan bagi industri pertanian dan makanan

RM74.5 juta
Jumlah telah disalurkan

Manfaatkan
7,012
 PKS Mikro Pertanian



Bantuan one-off RM500 pemandu e-hailing, teksi dan bas

RM66 juta



Kempen e-dagang PKS & Shop Malaysia Online

RM300 juta



Kelonggaran pengecualian duti eksais & cukai jualan teksi
Syarat pemilikan dilonggarkan kepada 5 tahun



Sokongan bil elektrik

- Diskaun 10% sehingga Mac 2021 bagi 6 sektor terkeasan
- Penurunan bil sehingga 9% dari Januari-Jun 2021 bagi semua pengguna

Potongan cukai khas

- Pengurangan sewa premis perniagaan sekurang-kurangnya 30%
- Termasuk bukan PKS
- Hingga 30 Jun 2021



Skim Rehabilitasi sewa beli bas dan teksi

RM1 bilion
Jaminan pinjaman 50%